

# Korban denggi mencanak

Harian Metro  
27/2015  
mls 38

■ Jumlah kes, kematian enam bulan pertama catat peningkatan

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
**Putrajaya**

Negara terus dibelenggu krisis denggi yang serius apabila jumlah kes dan kematian yang direkodkan menunjukkan peningkatan ketara bagi enam bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, setakat 27 Jun lalu, 56,533 kes denggi dilaporkan iaitu peningkatan 34 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah kematian akibat denggi pula meningkat dua kali ganda kepada 162 kematian setakat 27 Jun lalu berbanding 82 kematian direkodkan bagi tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan jumlah kes dan kematian itu didorong oleh pertambahan jumlah tempat pembiakan dengan 55 peratus daripadanya dikesan di dalam dan hala-

Negeri	Bilangan kes dan kematian dilaporkan		Jumlah terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2014
	MINGGU 25 (21-27 Jun 2015)	MINGGU 24 (14-20 Jun 2015)		
Perlis	6	7	129 (1)	91
Kedah	17 (1)	18	467 (5)	504 (4)
P Pinang	104	117	2,725 (6)	878 (3)
Perak	126	189 (1)	5,690 (13)	2,666 (7)
Selangor	1,461 (3)	1,226 (3)	32,484 (83)	24,197 (33)
WP KL & Putrajaya	222	201 (1)	3,672 (18)	3,628 (6)
N Sembilan	78	33	985 (7)	2,134 (3)
Melaka	42	33	948 (3)	1,190 (4)
Johor	452	384 (1)	4,277 (10)	2,390 (14)
Pahang	67	47	1,248 (5)	566
Terengganu	13	7	514 (2)	373 (1)
Kelantan	62	33	789 (3)	2,381 (4)
Sarawak	27	24	1,199 (2)	631 (2)
Sabah	33	29	1,404 (4)	589 (1)
WP Labuan	0	0	2	11
<b>JUMLAH</b>	<b>2,710 (4)</b>	<b>2,384 (6)</b>	<b>56,533 (162)</b>	<b>42,229 (82)</b>

Nota: ( ) Kematian

Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

man rumah, manakala 22 peratus pula dikesan di tanah kosong dan terbiar.

"Sekiranya kita mahu menurunkan jumlah kes dan kematian, dua lokasi berkenaan perlu diberi perhatian terlebih dahulu kerana ia mewakili 77 peratus daripada lokasi pembiakan nyamuk," katanya.

Menurutnya, semua pi-

hak perlu memberi tumpuan kepada dua lokasi pembiakan berkenaan kerana ia sudah cukup untuk memerangi denggi secara keseluruhannya.

Dr Subramaniam meminta kerjasama semua pihak termasuk orang ramai supaya lebih peka dan mempunyai kesedaran dalam mengenal pasti lokasi

pebiakan nyamuk di kawasan rumah masing-masing.

Dalam pada itu, Dr Subramaniam berkata, sebanyak 2,710 kes demam denggi dilaporkan bagi minggu ke-25 iaitu dari tempoh antara 21 hingga 27 Jun lalu meningkat sebanyak 15.4 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Katanya, statistik sama menunjukkan sebanyak 10 negeri menunjukkan peningkatan berbanding minggu sebelumnya iaitu di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, Putrajaya, Pahang, Melaka, Terengganu, Sabah dan di Sarawak.

"Bagi tempoh sama, jumlah lokaliti wabak dan hotspot turut meningkat dengan 862 lokaliti wabak dikesan pada minggu ke-24 dan meningkat kepada 975 lokaliti wabak pada minggu ke-25.

"Daripada jumlah itu, 144 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 135 hotspot pada minggu sebelumnya. Hotspots berkenaan membabitkan 121 lokaliti di Selangor, Perak (12), Pulau Pinang (lima) dan masing-masing satu lokaliti di Johor dan Melaka," katanya.

Menjelang musim perayaan yang bakal menjelma, beliau menyarankan kepada orang ramai yang akan pulang ke kampung supaya melaksanakan beberapa perkara yang boleh mencegah penularan wabak ini.

Ia termasuk memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi menjadi pembiakan aedes di kawasan rumah dan persekitarannya, memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate) bagi takungan air besar dan kekal.